

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan penyelesaian bagi tapak-tapak longgokan sampah haram di kawasan industri di sekitar Kuala Lumpur khususnya di Taman Usahawan Kepong.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah melaksanakan pelbagai usaha dalam mengatasi masalah tempat pembuangan sampah haram oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Usaha ini turut melibatkan kolaborasi dengan masyarakat, agensi kerajaan dan pihak swasta.

2. Berhubung isu longgokan sampah haram di Taman Usahawan Kepong, terdapat dua kertas siasatan di bawah Seksyen 71, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) telah dibuka oleh Penguatkuasa SWCorp Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 14 Mei 2020 dan 25 Jun 2020. Kertas siasatan ini masih dalam

tindakan pegawai penyiasat dan akan dibawa ke mahkamah untuk dijatuhkan hukuman di bawah Akta 672.

**Pembasmian sampah haram**

3. Pada dasarnya, KPKT melalui SWCorp telah menyediakan pelan tindakan menangani isu pembuangan sisa pepejal di lokasi yang tidak dibenarkan (sampah haram) di 7 negeri yang menerima pakai Akta 672 yang mana telah menggariskan beberapa langkah penting untuk mengatasi perkara ini iaitu:

- i. Pemantauan secara berkala oleh anggota penguatkuasa SWCorp di kawasan perkhidmatan serta beberapa lokasi *hot spot* pembuangan sampah haram;
- ii. Membersihkan lokasi sampah haram yang telah dikenal pasti;
- iii. Memasang papan tanda serta *barrier tape* bagi kawasan yang telah dibersihkan dan berpotensi menjadi lokasi pembuangan sisa haram;
- iv. Memantau secara bersepadu antara SWCorp, agensi penguatkuasaan yang berkaitan serta masyarakat setempat dalam memastikan pembuangan sampah haram tidak berlaku;
- v. Melaksanakan program libat urus bersama penduduk dan mengedarkan risalah berkaitan kesalahan-kesalahan serta hukuman yang boleh dikenakan di bawah Akta 672;
- vi. Menjalankan “Operasi Intip Dan Cekup” bagi mengenal pasti mereka yang tidak bertanggungjawab melanggar undang-undang membuang sampah di lokasi yang tidak dibenarkan; dan

vii. Melaksanakan tindakan ke atas pelaku kesalahan yang membuang sisa secara haram mengikut Seksyen 71, Akta 672. Jika disabitkan kesalahan, denda boleh dikenakan tidak kurang RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

4. Manakala bagi negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672, pengurusan sisa pepejal dan penguatkuasaan berkaitan isu pembuangan sampah di kawasan yang tidak dibenarkan (sampah haram) dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.

### **Peraturan-peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam**

5. Kerajaan juga telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian 2018 pada 1 Ogos 2018 dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Bagi Skim Sisa Pepejal Pembinaan pada 1 November 2018. Kedua-dua peraturan ini mewajibkan pihak penghasil sisa memastikan kontraktor yang dilantik adalah pemegang lesen perkhidmatan pemungutan sisa komersial/ industri/ institusi/ pembinaan untuk dilupuskan di tempat yang dibenarkan sahaja. Selain itu, sisa yang terhasil perlu diasingkan mengikut kategori yang ditetapkan dan melantik syarikat perkhidmatan pemungutan yang berlesen untuk memungut sisa tersebut untuk dihantar ke kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan.

6. Peraturan ini secara tidak langsung dapat mengelakkan berlaku masalah pembuangan sisa pepejal secara haram khususnya di kawasan industri. Tindakan penguatkuasaan boleh dikenakan kepada penghasil sisa/ pemaju tapak pembinaan sekiranya tidak mengasingkan sisa mengikut kategori-kategori yang ditetapkan. Kegagalan mengikut

## **NO SOALAN : 231**

mematuhi peraturan ini menyebabkan pihak penghasil sisa/ pemaju berdepan dengan tindakan undang-undang yang jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.00. Selaras dengan penguatkuasaan peraturan ini, diharapkan dapat mengawal aliran sisa pepejal, mengurangkan longgokan sisa pepejal secara haram, membangunkan pangkalan data janaan sisa pepejal dan mengoptimumkan kemudahan sedia ada.

7. Oleh yang demikian, orang awam diingatkan untuk mengikut segala peraturan melupuskan sisa pepejal mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Tanggungjawab untuk menjadikan kawasan persekitaran bebas dari masalah sisa haram merupakan tanggungjawab bersama dan penglibatan orang awam amat perlu supaya lebih bertanggungjawab dengan tidak membuang sisa di tempat yang tidak dibenarkan serta melaporkan kepada SWCorp di talian Indahkan Malaysia 1-800-88-7472 sekiranya terdapat maklumat mengenai pembuangan sampah haram.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [ SIBUTI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah pelajar yang tidak memiliki sijil kelahiran dan tiada kad pengenalan bagi sekolah rendah dan sekolah menengah di Sarawak.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Murid yang tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang mengikuti pendidikan di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan dikategorikan sebagai murid tanpa dokumen. Murid tanpa dokumen ini tidak mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan. Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga 30 November 2020, seramai 485 orang murid tanpa dokumen sedang mengikuti pendidikan di sekolah kerajaan/sekolah bantuan kerajaan di negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 336 orang bersekolah di sekolah rendah manakala 149 orang bersekolah di sekolah menengah.

Sekian.